

16/04/2002

Pemilihan bahagian MCA boleh diteruskan

KUALA LUMPUR, Isnin - Pemilihan bahagian MCA pada 27 dan 28 April ini akan diteruskan kerana ia tidak ada kaitan dengan arahan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad supaya semua pihak berhenti daripada membuat kenyataan terbuka berhubung krisis parti itu.

Setiausaha Agungnya, Datuk Seri Dr Ting Chew Peh, berkata pemilihan peringkat bahagian akan diteruskan mengikut jadual kerana semua persiapan, termasuk notis sudah dihantar kepada ahli.

Bagaimanapun, beliau berkata, pihaknya menerima aduan ada dua bahagian yang tidak mengeluarkan notis mesyuarat.

"Siasatan akan dijalankan oleh badan perhubungan MCA negeri terbabit. Jika benar, badan perhubungan itu akan mengambil alih tugas untuk mengadakan mesyuarat," katanya pada sidang akhbar, di sini hari ini.

Hari penamaan calon pemilihan peringkat bahagian akan diadakan pada 22 April, manakala Pergerakan Pemuda dan Wanita dijadualkan pada 27 April depan dan badan induk keesokannya.

Mengenai pemilihan pada peringkat cawangan yang diadakan bulan lalu, Dr Ting berkata, daripada 22 aduan yang diterima hanya dua kes yang perlu mengadakan pemilihan semula secepat mungkin berikutan pertelingkahan ketika pencalonan.

Beliau berkata, kedua-dua cawangan itu membabitkan pergerakan Wanita cawangan Bandar Baru Temerloh dan Sungai Lui Baru, Raub manakala cawangan Wooten, Klang digantung kerana pertelingkahan.

Semalam, Dr Mahathir mengarahkan semua pihak yang bertelagah dalam MCA berhenti daripada membuat sebarang kenyataan mengenai krisis kepimpinan parti itu.

(END)